



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

# TARBIATUNA



## JAWATANKUASA TARBIAH - IKRAM MALAYSIA

Bil Keluaran : 09

Siri : 1437H/02 Edaran untuk ahli IKRAM sahaja

Bulan: Jamadil Awal - Akhir 1437H

### Taujihat



Ustaz Dr Mohd Parid  
Sheikh Ahmad  
Presiden IKRAM

### Bingkisan Tarbawi



Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria  
Pengerusi JK Tarbiah Pusat

### Pembangunan Sumber Manusia



Hj Mahdzir bin Md Isa  
Pengerusi JK Pengurusan Sumber Manusia

## Kepimpinan Harapan

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Musim memilih kepimpinan IKRAM di peringkat daerah dan negeri datang lagi. Bermula dari bulan Mac hingga Mei, ahli IKRAM daerah dan negeri akan memilih barisan kepimpinan masing-masing. Kemungkinan ada barisan muka baru dan mungkin barisan lama yang akan dipilih semula. Yang paling penting kerusi atau jawatan kepimpinan itu bukanlah di minta-minta untuk mendapatkannya.

Ikhwah dan akhwat fillah, dalam buletin tarbiatuna keluaran pertama pada tahun 2016 akan menyentuh aspek kepimpinan yang dikehendaki dalam masa sekarang dan akan datang. Kami juga menyentuh kemampuan psikologi yang mesti dimiliki oleh kepimpinan. Isu yang berkaitan fikrah, tasawwur perjuangan yang jelas serta contoh pejuang-pejuang terdahulu juga menjadi bahan bacaan dan peringatan yang amat berharga untuk dibaca.

Model kepimpinan IKRAM masa depan juga disentuh dalam usaha melahirkan pelapis kepada perjuangan ini untuk masa hadapan. Walau apapun stail atau gaya kepimpinannya yang dilahirkan tidaklah menjadi persoalan sangat, tetapi yang lebih penting ialah adakah kepimpinan itu boleh membawa manusia yang berada di sekelilingnya untuk beriman kepada Allah dengan iman yang mendalam, dihidupkan nilai-nilai rabbani dalam diri mereka dan dapat membebaskan masyarakatnya dari dibelenggu oleh perhambaan kepada manusia sehingga mereka tidak nampak bahawa jalan penyelesaian kepada segala masalah hidup ialah kembali kepada Allah.

Firman Allah "Jikalau sekiranya penduduk negeri-negeri beriman dan bertakwa, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka barakah dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (ayat-ayat Kami) itu, maka Kami seksa mereka disebabkan perbuatannya." (Al-A'raf: 96). Oleh itu kepimpinan masa hadapan yang diharapkan selain mempunyai syarat-syarat dan ciri-ciri keterampilan hendaklah ia seorang yang beriman dan bertakwa serta boleh membawa masyarakatnya juga beriman dan bertakwa kepada Allah .s.w.t

Dari Meja Editor


### Mutiara Al-Quran



وَجَعَلْنَاهُ أَيْمَانًا يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا  
وَأَوْحَيْنَا إِلَيْهِمْ فَقْلَ الْخَيْرَاتِ  
وَاقْرَأْنَاهُ أَصْلَوةً وَإِيَّاهُ الْكَرْكَوْذَةُ  
وَكَانُوا لَنَا عَبْدِينَ

Kami jadikan mereka ketua-ketua ikutan, yang memimpin (manusia ke jalan yang benar) dengan perintah Kami dan Kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebaikan dan mendirikan sembahyang, serta memberi zakat dan mereka pula sentiasa beribadat kepada Kami. (Surah Anbiya : 73)

### Mutiara Hadith



Dari 'Aisyah ra. ia berkata: Saya mendengar Rasulullah saw, bersabda di rumahku ini: "Ya Allah, siapa saja yang diberi kekuasaan mengurus umatku ini kemudian ia mempermudah mereka, maka mudahkanlah ia."

(Hadith Riwayat Muslim)

### Mutiara Hikmah

Berkenal-kenalanlah dengan setiap muslim yang ditemui kerana atas gerakan dakwah ialah berkenal-kenalan dan berkasih-sayang.

~Imam Hasan Al-Banna~



# KONSEP KEPIMPINAN DALAM HARAKAH ISLAMIAH



Ustaz Dr Mohd Parid Sheikh Ahmad, Presiden IKRAM

## Konsep

- Kepimpinan adalah pertanggungjawaban bukan kedudukan.
- Kepimpinan adalah satu bebanan bukan habuan.
- Kepimpinan adalah gembala bukan tuan.
- Kepimpinan adalah contoh ikutan bukan sanjungan kemasyhuran.
- Kepimpinan adalah pelopor barisan bukan pemuka atau pendahulu kumpulan/karaven.
- Kepimpinan adalah kerugian dan penyesalan di hari kiamat apabila diserahkan kepada yang bukan ahlinya.
- Kepimpinan adalah keruntuhan dan kerosakan di dunia apabila disandarkan kepada yang merebutnya

## Kepimpinan yang baik

Pentadbir yang baik ( good governance ), pengurus yang cekap, berintegriti dan berkebolehan.

Pencerna idea, pemikir dan perancang perjuangan, 'alim kumpulan, penyatu jiwa, minda dan kerja umat, mujahid medan, penenang suasana, contoh ikutan, pembakar semangat sepanjang perjalanan.

Mendahulukan kepentingan umum dan umat, mendahulukan peribadi yang terbaik memimpin ummah, akur dan taat kepada pemimpin di atasnya atau pemimpin pada era sebelum kepimpinannya, menegur dengan adab yang tinggi, mengutamakan kesatuan saf, memperteguh kasih sayang, ikatan persaudaraan, ikatan perjuangan, mendahulukan pengangkisan kerosakan dan perpecahan, memiliki kebijaksanaan dalam membuat keputusan dan dalam melaksanakannya, kesabaran yang tinggi berhadapan dengan ujian-ujian.

## Kepimpinan kontemporari

Kepimpinan Harakah Islam yang memperjuangkan Islam agar memimpin manusia dan dunia, manusia sejagat, di semua fasa, dari fasa pembangunan manusia, pembangunan negara dan tamadun. Fasa pembangunan peribadi, keluarga, masyarakat, umat dan masyarakat manusia sejagat. Fasa penyebaran fikrah, penghayatannya, penegakan realitinya di tengah-tengah kehidupan, dalam diri, keluarga, dan masyarakat, dalam negara dan di persada dunia.

Kepimpinan perjuangan yang menyantuni manusia dan dunia sejagat, berusaha dengan gigih menyampaikan mesaj

Islam kepada semua, dalam bentuknya yang benar dan jelas, yang akan menghakis kekeliruan atau kecelaruan sebagai petunjuk dari Allah s.w.t pencipta alam yang esa yang akan menyuluhi perjalanan hidup mereka sepanjang zaman selama masa nyawa masih di kandung badan bagi memenangi kebahagiaan yang abadi di alam akhirat.

Kepimpinan yang memahami keperluan zamannya, melihat situasi secara meluas, mengkaji senario secara menyeluruh, punya bacaan yang cekap terhadap situasi masa kini dan telahan-telahan yang tepat terhadap situasi-situasi masa hadapan, memiliki penglihatan yang menyeluruh, strategi yang kukuh, kepakaran bidang yang mencukupi, kebijaksanaan membuat keputusan terbaik, penyediaan respons yang segar, penyelesaian yang mematuhi syariah yang mampu menyelesaikan masalah dan membangun dunia dan kehidupan baru.

Kepimpinan yang telah dipersiapkan dengan kefahaman yang terbaik, pengetahuan yang teguh, pengalaman yang luas dan dalam, keperibadian yang sentiasa meningkat, keupayaan memimpin yang semakin sempurna.

## Kepimpinan masa hadapan ( Futuristik leader )

Seorang pemimpin yang memiliki gagasan idea dan wasan perjuangan yang jauh ke hadapan, berupaya memikul misinya yang agung jauh berbeza dari lain-lain pemimpin.

Dia mempunyai karisma untuk menarik dokongan massa dan rakyat bawahan, keazaman yang tinggi untuk mengerakkan perubahan-perubahan, keupayaan yang besar berdasarkan pengalaman dan kepakaran untuk membuat lompatan-lompatan strategik bagi membangun sejarah baru, menyediakan jawapan-jawapan terbaik kepada situasi kemelut dan krisis yang sedang dihadapi negara dan dunia.

Dia seorang pemimpin yang dinamik dalam mengurus kepelbagaiannya, memanfaatkan semua potensi baik yang dimiliki peribadi atau masyarakat manusia, melorongnya ke arah membina permuafakatan bagi memajukan kehidupan bermasyarakat dan bernegara bersama-sama memikul tanggungjawab membuat perubahan, memajukan negara, menyatukan umat, menangani cabaran, menegakkan keadilan untuk semua, meningkatkan tahap kehidupan rakyat secara menyeluruh.

Dia seorang pemimpin yang memiliki fitrah kemanusiaan yang murni, mampu menyantuni manusia yang dipimpinnya, semua kumpulan, semua generasi, pada berbagai-bagai tahap

# PSIKOLOGI KEPEMIMPINAN YANG ‘BURUK’



Dr. Alizi Alias

Pakar Psikologi Industri dan Organisasi, Pengerusi Unit Psikospiritual IKRAM (P.S.I)

*“Sesungguhnya untuk kamu pada diri Rasulullah itu contoh teladan yang baik” (al-Ahzab:21)*

Kita banyak didedahkan tentang Rasulullah s.a.w sebagai kepemimpinan contoh. Hakikatnya, dari segi OPERASI, kepemimpinan Khulafa' al-Rashidin pun berbeza antara satu sama lain. Yang menyamakan keempat-empat mereka ialah KONSEP kepemimpinan khilafah berasaskan nubuwah. Rasulullah s.a.w telah menyediakan manhaj dan KONSEP kepemimpinan untuk dicontohi. Manakala khulafa' al-Rashidin dan tokoh-tokoh Islam terkemudian berijtihad dari segi amali dan OPERASI kepemimpinan.

Bagi mereka yg kurang kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), kekeliruan boleh berlaku apabila ada pemimpin Islam mendakwa mengikut Islam dari segi OPERASI Rasulullah s.a.w tapi dilihat negatif oleh orang-orang bawahan. Artikel ini akan membincarakan tentang kepemimpinan yang “buruk” yang kadang-kadang kita tidak sedar bahawa ianya tidaklah berasaskan KONSEP teladan daripada Rasulullah s.a.w

Nota: Kepemimpinan, leadership dan qiyadah di sini boleh merujuk kepada kepemimpinan pusat, negeri, daerah, agensi, institusi, naqib dan juga murabbi manakala pihak bawahan, subordinate, atau jundi di sini boleh merujuk kepada ahli-ahli jawatankuasa, ahli-ahli usrah/halaqah, dan ahli-ahli organisasi seluruhnya.

Antara beberapa komponen kepemimpinan yang ‘buruk’ ialah:

- Penyalahgunaan kuasa – Contoh: penggunaan kuasa untuk kepentingan peribadi, untuk mengindahkan imej diri, untuk mewujudkan persepsi kejayaan tarbiah, atau untuk menyembunyikan kelemahan diri.
- Mewujudkan kemudarat terhadap pihak bawahan – Contoh: membuli dan memaksa mereka sama ada secara kasar atau secara halus, mewujudkan rasa rendah diri orang bawahan terhadap keupayaan kendiri mereka dalam dakwah dan tarbiah, memudaratkan kesihatan psiko spiritual mereka, dan mendiskriminasikan mereka.
- Berlebihan-lebihan dalam mengawal pihak bawahan – Contoh: terlalu obses dengan perkara yang terperinci, bersifat perfectionist, dan menghadkan inisiatif pihak bawahan.
- Melanggar peraturan organisasi kerana kepentingan diri – Contoh: penyalahgunaan jawatan, tingkah laku tidak

beretika, atau melanggar baiah/arahan kepemimpinan yang lebih atas.

Kepemimpinan ‘buruk’ ini memanglah boleh membawa kepada kejayaan jangka pendek. Tapi, kesudahan jangka panjangnya ialah masalah amal jamaie yang berlarutan, menurunkan motivasi amal dakwah/tarbiah pihak lain, dan menjelaskan prestasi organisasi keseluruhannya.

Kepemimpinan ‘buruk’ boleh disebabkan oleh karakteristik pemimpin berpersonaliti narsisistik. Ciri-ciri pemimpin narsisistik ialah (turut disebut secara tidak langsung oleh Syeikh Mustafa Masyhur di dalam bukunya, “Jalan Dakwah: Antara Keaslian dan Penyelewengan” ialah:

1. Eksplorasi dan Entitlement: ‘Saya berhak dihormati dan dithiqahi’
2. Kepemimpinan dan autoriti: ‘Saya suka menjadi centre of attraction’
3. Superiority dan takabbur: ‘Saya lebih baik dari orang lain dari segi dakwah/tarbiah’
4. Self-admiration dan ‘ujub: `Saya sibuk dalam mengagumi diri sendiri’

Cara-cara untuk mengelakkan atau mengurangkan impak negatif kepemimpinan narsisistik:

- Mendapatkan rakan yang dipercayai/dithiqahi oleh pemimpin narsisistik tersebut untuk mengembalikan psikologi beliau ke alam realiti dakwah/tarbiah secara jama`i.
- Memujuk pemimpin tersebut untuk menjalani rawatan kaunseling/psikoterapi
- Menjadikan semua aktiviti pihak bawahan selari dengan pemikiran pemimpin tersebut.

Walau bagaimanapun, tiga cara tersebut ada kelemahannya. Cara pertama dan kedua hanya sesuai jika pemimpin tersebut bersifat narsisistik yang produktif (mengikut definisi jamaah) dan mempunyai kesedaran kendiri yang tinggi untuk mampu melihat kelemahan diri. Itu pun, cara pertama dan kedua sukar untuk berjaya jika pemimpin tersebut memegang jawatan yang agak tinggi atau merupakan tokoh yang dihormati dan dalam masa yang sama sudah pun melakukan banyak kemudarat terhadap jamaah. Cara ketiga pula nampak boleh mengelak konflik sebagai



# MERENUNG KE DALAM DIRI DI SEPANJANG JALAN DAKWAH



Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria, Pengurus JK Tarbiah Pusat

## Demikianlah sepututnya Ikhwan Muslimun

Saya bertemu seorang tua yang beruban yang sudah mula melangkah ke alam akhirat.. saya duduk bersamanya pada siang hari yang amat bermakna, di selubungi oleh kesucian rohani.. tampak jelas dari wajahnya dia seorang yang soleh, bertakwa dan hatinya langsung berhubungan dengan Allah s.w.t sekalipun dia tidak mendapat tempat di hati masyarakatnya..lalu saya berbual-bual dengannya.

Dia bertanya saya: ‘Apa nama persatuan kamu?’

Saya menjawab: ‘Sesungguhnya kami bukanlah persatuan, tetapi ikhwan -bersaudara- kerana Allah, kami bertemu di atas dasar akidah dan fikrah dan berusaha untuk melaksanakannya di dalam diri kami, kemudian berusaha pula meyakinkan manusia lain... fikrah kami pula tidak lain melainkan untuk memahami Islam dan menyebarkannya kepada orang ramai!‘.

Lalu dia menjawab: ‘Cantik.. siapa yang mengajar kepada kalian di tempat kalian?’

Saya lalu menjawab: ‘Kebiasaanmu saya akan menyampaikan penerangan kepada ikhwan’.

Kemudian orang tua tadi terdiam seketika lantas melihat tepat kepadaku dan bertanya: ‘Adakah kamu mengerjakan solat malam (qiamullail)?.... Saya bertanyanya kembali..: ‘Apa yang tuan harapkan dari jawapan saya terhadap soalan tuan? Sedangkan diri kita berada dalam genggaman Allah s.w.t, sekiranya Dia mahu dibangunkan kita, begitulah sebaliknya sekiranya Dia mahu Dia boleh matikan kita’.

Orang tua tadi menjawab: ‘Benarlah Allah dan RasulNya dan manusia itu amat gemar berbantah-bantah....’

Ya akhi, Sesungguhnya tarbiah diri, menyucikan jiwa serta memandu hati-hati, tidak akan diraih melalui lafadz-lafadz yang diulang-ulang, kaedah-kaedah yang diajarkan dan tidak dengan teori-teori yang disampaikan... kalaupun ia bermanfaat untuk akal dan ilmu, ia sebenarnya terpisah dari perasaan dan rohaniah, sedangkan manusia amat berhajat kepada kemurnian jiwa dan akhlak mulia. Mereka yang berusaha ‘mengislah’ manusia melalui penulisan semata-mata adalah tertipi kerana ia tidak akan sampai kepada objektif yang diharapkan.

Ya akhi, tiada makna usaha ‘pengisahan diri’ yang dilaungkan melainkan melalui hanya satu jalan; jalan qudwah hasanah yang berhubungan langsung dengan Allah s.w.t. kurniaaNya. Qudwah yang dimaksudkan itu ialah ibadat di malam hari, qiamullail, munajat dinihari.. Baca dan dengarlah firman Allah s.w.t:

يَأَيُّهَا الْمُفَرِّمُ (١) قُمْ أَلَيْلَ إِلَّا قَلِيلًاً (٢) تَضَعُهُ أَوْ أَنْقُضُهُ مِنْهُ قَلِيلًاً (٣)  
أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَثَلْ لَقْرَعَانْ تَرْتِيلًاً (٤) إِنَّ سَنْلُقَى عَلَيْكَ قَوْلًا تَنْتِيلًاً (٥) إِنَّ  
نَاسِئَةَ الَّيْلِ هُنَّ أَشَدُ وَطْأًا وَأَقْوَمُ قِيلًاً (٦)

*Wahai orang yang berselimut!. (1) Bangunlah sembahyang Tahajud pada waktu malam, selain dari sedikit masa (yang tak dapat tidak untuk berehat), (2) laitu separuh dari waktu malam atau kurangkan sedikit dari separuh itu, (3) Ataupun lebihkan (sedikit) daripadanya dan bacalah al-Quran dengan “Tartil”. (4) (Sayugialah engku dan pengikut-pengikutmu membiasakan diri masing-masing dengan ibadat yang berat kepada hawa nafsu, kerana) sesungguhnya Kami akan menurunkan kepadamu wahyu (al-Quran yang mengandungi perintah-perintah) yang berat (kepada orang-orang yang tidak bersedia menyempurnakannya). (5) Sebenarnya sembahyang dan ibadat malam lebih kuat kesannya (kepada jiwa) dan lebih tetap betul bacaannya. (6)*

Ya akhi, orang yang tidak punya apa-apa dia tidak akan mampu memberi... Hati yang terputus hubungan dengan Allah tidak mungkin boleh menghubungkan orang lain kepada Allah .Peniaga yang tidak mempunyai modal tidak akan mampu meraih keuntungan. Guru yang jahil tentang metode pengajarannya tidak akan mampu mengajar orang lain. Orang yang lemah dalam memimpin dirinya sendiri tidak akan mampu memimpin orang lain. Alangkah berhajatnya kalian semua kepada jihad seumpama ini !!! Kalau kalian mampu membawa mereka yang berjanji setia denganmu untuk beramal dengan semua ini, maka ia merupakan kejayaan yang amat besar. Lihatlah para sahabat Radiallahuanhum adalah ‘Rahbaanan Billail Wa Fursaanan Bin nahaar’... di malam hari mereka adalah ahli ibadat dan di siang hari mereka adalah pahlawan yang gagah berani di medan... kurang satu antara keduanya akan memberi kesan kepada yang satu lagi.

Berusahalah kamu untuk memperoleh bekalan di malam

hari untuk perjalanan mu di siang hari yang penuh dengan pelbagai cabaran.....

Kemudian orang tua itu meminta izin untuk beredar. Dia bangkit dan berjalan dengan tongkatnya meredah kesesakan manusia di jalan raya, sedang saya mengiringi pemergiannya dengan hati yang penuh insaf sehingga dia hilang dari pandangan.

Ya Ikhwan:

Mungkin kamu berasa hairan mengapa saya bawakan bicara sebegini di dada akhbar kamu ini sedang kamu menanti-nanti saya berbicara mengenai masalah yang melanda dunia, derita yang dialami oleh umat Islam seluruhnya. Kamu mengharapkan saya menyatakan sikap, pendirian dan tindakan yang patut diambil oleh jamaah kita.

Dengarkanlah penjelasanku:

**Sesungguhnya kamu ingin mencapai matlamat yang besar dan hebat. Oleh itu kamu mesti memahami dengan sebenar-benarnya bahawa dengan matlamat itu bererti kamu berada di atas satu garisan dan dunia seluruhnya berada di atas garisan yang berlawanan dengan kamu.**

**Kamu menghendaki Islam berkuasa. Dunia diperintah oleh jiwa-jiwa yang bersih suci, akhlak mulia yang melimpah dengan kebaikan, hati-hati yang penuh rahmat dan kasih sayang dan kesejahteraan memayungi alam semesta.**

Manusia pula menghendaki kebendaan berkuasa, harta melimpah ruah, kemewahan tiada sempadan, perebutan yang tiada berkesudahan antara golongan kuat dan lemah. Yang kuat memangsakan yang lemah. Yang berkuasa sentiasa menang dan yang diperintah sentiasa kalah. Kemanusiaan tidak akan kenal erti keadilan, tidak akan mengecapi rahmat kasih dan sayang. Itulah yang manusia kehendaki berbanding dengan apa yang kamu kehendaki. Kamu berada di satu pihak, sedang dunia di satu pihak yang lain. Manusia berselindung di sebalik kedustaan, berinteraksi dengan tipu helah dan bermuka-muka. Mereka lari daripada menghadapi kenyataan. Pada hal kamu tidak mahu itu semua kerana kamu sentiasa bermuraqabah. Diri kamu dan amalan kamu sentiasa diperhati oleh yang Maha Mengetahui dan Maha Memerhati. Maka perbezaan antara kamu dengan manusia, jika kamu benar dengan apa yang kamu cita-citakan, sangat jauh dari segala sudut.

Bilangan kamu adalah sedikit. Keadaan kamu tertindas di muka bumi ini, fakir dari segi harta, kosong dari segi kekuatan. Maka tidak ada senjata kamu selain hubungan dengan Allah dan mengharap pertolongan dan bantuan daripadaNya serta keimanan yang mendalam terhadapNya. Apabila aspek ini kamu kuasai bererti kamu telah kuasai segala-galanya. Firman Allah s.w.t. bermaksud: "Jika Allah

menolong kamu mencapai kemenangan maka tidak ada se-siapa pun yang akan dapat mengalahkan kamu dan jika Dia mengecewakan kamu, maka siapakah yang akan dapat menolong kamu sesudah Allah (menetapkan yang demikian)? Dan (ingatlah), kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman itu berserah diri." (Ali Imran:160)

**Maka berusahalah untuk menjadi seperti itu. Jangan kamu tanya bagaimana? Sesungguhnya jalannya telah nyata. Jadilah kamu hamba-hamba sebelum kamu menjadi ketua. Dengan ibadah kamu akan jadi sebaik-baik qiadah. Awas! Jangan kamu terbalikkan isu ini sebagaimana yang dilakukan oleh manusia lain. Mereka mengejar kepimpinan sebelum mereka menyejahterakan aspek ibadah maka mereka tewas atau mereka berjaya mencapainya tetapi terumbang ambing di dalam melaksanakan amanahnya. Serapkan ke dalam diri kamu maksud Hadis Qudsi ini:**

*"Sesiapa yang menyakiti waliKu maka sesungguhnya Aku telah mengisyiharkan perang dengannya. Seseorang hambaKu tidak menghampirkan diri kepadaKu dengan sesuatu sebagaimana ia menghampirkan diri dengan melakukan apa yang Aku fardhukan ke atasnya. Dan sentiasalah hambaKu itu menghampirkan dirinya kepadaKu dengan melakukan amalan-amalan yang sunat sehingga Aku mencintainya. Apabila Aku mencintainya maka Aku adalah pendengaran yang dia mendengar dengannya, penglihatan yang dia melihat dengannya, tangan yang dia menghulur dengannya, kaki yang dia berjalan dengannya. Jika dia meminta padaKu akan Ku berikannya, jika dia memohon perlindungan denganKu akan Ku lindunginya". (Al-Bukhari)*

Dan ingat juga firman Allah yang bermaksud:

*"Allah menjajikan orang-orang yang beriman dan bera-mal soleh dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Dia akan menjadikan mereka Khalifah-khal-ifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka: Khalifah-khalifah yang berkuasa dan Dia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredhainya untuk mereka; dan Dia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). Mereka terus beribadat kepadaKu dengan tidak mempersekutukan sesuatu yang lain denganKu dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang derhaka."*

(An-Nur:55)

Daripada Pusaka al-Banna, dipetik dari surat khabar Ikhwan Muslimin, 25 Rabiulawal 1356H bersamaan 4 Julai 1937M.



perkembangan mereka agar terus menerus berkembang ke arah kesempurnaan, memenangi nilai-nilai kemanusiaan mereka semaksimum mungkin.

Ia sebagai langkah mula kepada pembangunan manusia yang mampu berperanan sebagai khalifah Allah s.w.t di persada dunia, aktif dengan amal-amal soleh dan kerja-kerja yang akan menjana kemakmuran kehidupan manusia dan kemakmuran dunia sejagat. Kumpulan manusia yang telah dipimpin pemimpin di atas secara sempurna akhirnya akan dapat memainkan peranan membangun sebuah negara rahmah mithali yang akan dapat melahirkan sebuah tamadun kemanusiaan yang gemilang. Ini adalah kemuncak hasil dari kepimpinan gerakan Islam yang berjaya yang kita dumbakan masa kini dan masa hadapan untuk merubah nasib Ummah, merubah perjalanan sejarah dunia.

## Kepimpinan sepanjang zaman

Seorang pemimpin yang memiliki integriti dan keupayaan kepimpinan yang tinggi. Sepanjang hayat terus menerus teguh di perjalanan, dalam era kepimpinannya dan era selepasnya, menjadi faktor pendorong penyatuan umat dan keberkesanan perjuangan, menjadi contoh dan idola berterusan kepada para

pendokong perjuangan Islam.

Dia seorang pemimpin yang mampu membangun jambatan perhubungan, keserasian dengan berbagai-bagi generasi, generasi tua dan muda, tidak wujud jurang antara mereka sewaktu di bawah kendali kepimpinannya. Semuanya mampu dibawa bersama, bekerjasama mengangkat martabat manusia, menjayakan agenda negara dan umat.

Seorang Pemimpin yang bekerja keras bagi kejayaan dan kebahagiaan generasi sezamannya dan generasi selepasnya, generasi masa depan, umat secara keseluruhan dan umat manusia sejagat. Kepimpinan yang menyerlahkan kelainan pada sisi pandangan, sikap, pendirian, tindakan yang jauh berbeza daripada orang lain dan luar biasa.

Kebahagiaannya pada kebahagiaan orang lain, kebahagiaan umatnya, kebahagiaan manusia sejagat, kebahagiaan hidupnya pada derita orang lain, derita umat, derita manusia di semua tempat dan di semua zaman.

Seluruh hidupnya untuk perjuangan, hidup matinya untuk mengkhidmatinya, memacunya maju ke hadapan, dirinya bergelumang dengan kepayahan, di situlah dia menemukan kesenangan dan kebahagiaan.

contoh, ikut sahaja pemimpin tersebut, tapi ini akan terus menggalakkan pemimpin tersebut kekal bersikap narsistik dan akan membawa kepada kemudarat jamaah jangka panjang.

Cara yang lebih kuli dalam mengurangkan ‘kemunculan’ pemimpin-pemimpin narsistik ini ialah:

- Menyemak semula sistem, proses dan kriteria pemilihan (tajnid), promosi (tas`id) dan penempatan (tawzif) pemimpin, naqib.
- Membudayakan model kepemimpinan relational berbanding model kepemimpinan ‘heroik’
- Menggalakkan kemunculan pemimpin narsistik ialah apabila ahli-ahli menyukai model kepemimpinan heroic (super-murabbi, naqib-centred) berbanding model kepemimpinan relational (enganging-murabbi, mutarabbi-centre).
- Membudayakan kesedaran kendiri atau self-awareness supaya bakal pemimpin mampu menerima kewujudan kelemahan dan mampu memperbetulkannya tanpa merasai egonya tercalar.

Di dalam psikologi industri/organisasi, ada banyak kajian dan intervensi yang boleh membantu organisasi dakwah untuk memastikan pemimpin dan ahli-ahlinya bukan sahaja memperolehi prestasi dakwah/tarbiah tinggi tetapi juga mempunyai kesejahteraan psiko spiritual yang tinggi seperti mana ciri-ciri KONSEPTUAL organisasi Rasulullah s.a.w.

Selain isu kepemimpinan dakwah dan tarbiah, psikologi industri/organisasi boleh membantu organisasi dakwah dari tiga sudut berikut:

5. Pengurusan Sumber Pendakwah
  - Analisis kerja dakwah/tarbiah, Merekрут (tajmi` ) dan memilih (tajnid) pendakwah/murabbi, menilai prestasi (taqyim dan tauhiq) pendakwah/murabbi, personaliti pendakwah/murabbi, melatih pendakwah/murabbi (tamrin dan ta’hil) dan sebagainya.
6. Tingkah laku Jamaie Pendakwah
  - Motivasi pendakwah/murabbi, kepuasan kerja dakwah/tarbiah, komitmen/iltizam terhadap dakwah/tarbiah, tingkah laku jamaie yang negatif, kumpulan dan pasukan dakwah/tarbiah, perubahan dan pembangunan jamaah dan sebagainya.
7. Kesihatan dan Kesejahteraan Pendakwah
  - Tekanan/stres amal dakwah/tarbiah, keseimbangan kerjaya-rumah-dakwah/tarbiah, ergonomik dalam dakwah/tarbiah, kesihatan fizikal dan mental pendakwah/murabbi, dan sebagainya.

Dengan mengkaji pembolehubah-pembolehubah ( ` illah, qarinah dan zari` ah) psikologi zaman moden, IKRAM mampu untuk mengekalkan KONSEP kepemimpinan/keorganisasian sunnah dan OPERASI kepemimpinan/keorganisasian rahmah.

# QIADAH DI DALAM AL-QURAN



Tiada perkara sepening qiadah di dalam Amal Jamaie, khususnya dalam kerja-kerja pentarbiahan. Amal Jamaie tidak mungkin mencapai matlamatnya tanpa qiadah yang bijaksana. Mana-mana institusi yang kehilangan kepimpinan cemerlang yang menjadi qudwah tidak akan berjaya dan lurus urusannya.

Istilah qiadah dan lafaznya tidak terdapat di dalam al-Quran, tetapi dari sudut makna terdapat beberapa ayat al-Quran berkaitan makna qiadah dan seumpamanya, seperti perkataan Imamah dan pecahannya, seperti :

**”وَاجْلِنَا لِلْمُتَقِينَ إِمَاماً“ [الفرقان: 74]**

Perkataan Al-Hukmu dan pecahannya, seperti :

**”وَلَقَدْ آتَيْنَا بَيْ إِسْرَائِيلَ الْكِتَابَ وَالْحُكْمَ وَالنُّبُوَّةَ“ [الجاثية: 16]**

Perkataan Al-Khilafah, seperti :

**”يَا دَاوُودُ إِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ فَاحْكُمْ بَيْنَ النَّاسِ بِالْحُقْقِ“ [ص: 26]**

Terdapat juga pada satu tempat di dalam al-Quran istilah Ummah yang membawa makna Qiadah, seperti :

**”إِنَّ إِبْرَاهِيمَ كَانَ أُمَّةً فَاتِنًا يَلِهُ حَنِيفًا“ [النحل: 120]**

Begitu juga terdapat istilah-istilah yang membawa maksud kepimpinan seperti istilah Al-Uswah, seperti :

Untuk Rasulullah s.a.w :

**”لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ“ [الأحزاب: 21]**

Untuk Nabi Ibrahim dan pengikutnya :

**”قَدْ كَانَتْ لَكُمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ فِي إِبْرَاهِيمَ وَالَّذِينَ مَعَهُ“ [المتحنة: 4]**

Untuk umat secara umum :

**”لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِيهِمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ“ [المتحنة: 6]**

Oleh kerana pentingnya qiadah di dalam Islam, maka terdapat berbagai kajian untuk mengemukakan asas-asas mengenainya dari al-Quran dan Sunnah. Di antaranya, hasil kajian peringkat sarjana yang bertajuk : Prinsip-prinsip qiadah tarbiah dalam al-Quran oleh Abdulllah bin Muhammad. Beliau telah mengemukakan 19 prinsip kepimpinan yang telah di himpun dan disimpulkan daripada al-Quran. Iaitu : Ikhlas, mengutamakan yang lebih bermaslahah, amanah, quwwah, berkebolehan, adil, syura, teladan yang baik, sabar, mendengar, taat dalam perkara bukan maksiat,

memberikan taujihat, sistematik, hubungan kemanusiaan, berani, ganjaran dan hukuman, kerjasama, menjangka masa depan, hikmah dan benar.

Syarat umum qiadah di dalam al-Quran.

Syarat umum bermaksud sesuatu yang mesti ada pada qiadah.

1. Tujuan yang murni.

Untuk memenuhi matlamat penciptaan manusia, yang mempunyai risalah yang sangat khusus. Di mana dia akan dihisab oleh Yang Maha Pencipta. Berdasarkan firman Allah S.W.T:

**”أَفَحَسِبُتُمْ أَنَّا خَلَقْنَاكُمْ عَبْتَأْ وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا تُرْجَعُونَ“ [المؤمنون: 115]**

Pemimpin yang berkesan tidak “merapu”, baik dari sudut perkataan dan perbuatan. Dia sentiasa menjauhi perkara yang tidak berfaedah. Yang mendorong dan menggerakkaninya untuk beramal adalah tujuannya yang suci.

**”وَأَنَّ لَيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَى وَأَنَّ سَعْيَهُ سَوْفَ يُرَى، ثُمَّ يُجْزَاهُ الْجَزَاءُ الْأَوَّلُ“ [النجم: 39/41]**

2. Syura

Mustahil bagi seorang pemimpin dapat memimpin sesuatu pasukan - samada besar atau kecil, dalam berbagai situasi ujian, cabaran ataupun tugas - berat atau ringan, tanpa bantuan syura meluas dan mulzim. Dalam konteks ini, al-Quran telah memuji Jamaah Muslimah :

**”وَأَمْرُهُمْ شُورَى يَبَثُّهُمْ“ [الشورى: 38]**

Dan telah mengarahkan kepimpinan Islam tertinggi iaitu Rasullah s.a.w. untuk melaksanakan syura :

**”وَشَاوِرُوهُمْ فِي الْأُمْرِ“ [آل عمران: 159]**

Kepimpinan Rasulullah s.a.w. telah melaksanakan arahan ini dengan meluas, dalam semua peperangan, seperti Perang Badar, bersyura dengan Ansar sebelum perang, melaksanakan syura semasa berperang dengan mengambil pendapat Habbab bin Munzir dan melaksanakannya selepas perang berkaitan isu tawanan. Tidak cukup dengan melaksanakan prinsip syura bahkan menggalakkan orang lain melaksanakannya.

**”مَا حَابَ مَنِ اسْتَخَارَ، وَلَا نَدِمَ مَنِ اسْتَشَارَ“ [المجم الموسط للطبراني].**

bersambung di m/s 8



# PEMIMPIN QUDWAH DI ATAS JALAN DAKWAH

Oleh: Ustaz Mustafa  
Masyhur

Risalah kecil ini sangatlah penting untuk di teliti serta dihayati kandungannya, kerana ia melakarkan isu-isu yang sangat penting berkaitan jamaah. Bertolak dari kefahaman bahawa amal jamaie merupakan satu kewajipan dalam dakwah, maka Ustaz Mustafa Masyhur menekankan tentang kemestian wujudnya manhaj, kepimpinan dan juga pengikut. Pemimpin diibaratkan seperti kepala kepada tubuh. Panduan dari al-Quran dan al-Hadith hendaklah diikuti dalam memikul amanah kepimpinan.

Beliau telah menjelaskan, mengapakah besar dan beratnya amanah yang dipikul oleh para pemimpin? Diturunkan juga dalam risalah ini perkara-perkara yang boleh membantu para pemimpin untuk melaksanakan amanah, seperti akhlak dan sifat-sifat yang mesti dimiliki oleh mereka khususnya selaku kepimpinan dakwah, mengetahui tabiat amal dakwah dan medan-medannya, peringatan dan panduan-panduan penting berkaitan komunikasi serta interaksi dengan para pembantu dan pendokong, begitu juga perkara-perkara yang mesti dipelihara dan diberi perhatian yang serius sepanjang

sambungan dari m/s 7

*“Tidak rugi orang beristikharah, dan tidak menyesal orang yang bersyura.” (Mu’jam Awsat At-Tabari)*

### 3. Kritis

Tidak berjaya seorang qiadah dalam kepimpinannya sekiranya dia terkongkong dalam pandangannya yang cetek dan gopoh. Ada teori kepimpinan menasihatkan agar qiadah melihat sesuatu yang biasa dengan pandangan yang luar biasa, daripada apa yang sedang berlaku kepada yang akan berlaku dan berimajinasi bahkan sekali sekala memutuskan sesuatu berdasarkan imaginasinya. al-Quran telah mengingatkan tentang perkara ini, seperti di dalam al-A’raf, ayat 185 dan surah al-Hasyr, ayat 2 :

### 4. Kredibiliti.

Kredibiliti adalah hubungan kepimpinan melalui contoh dan teladan. Hubungan ini dapat dilihat dalam keadaan di mana qiadah perlu berperanan sebagai penunjuk arah, bahkan sebagai pemberi arahan dan larangan, juga untuk menghukum kesalahan. Untuk memudahkannya melaksanakan tugas tersebut, dia mesti bermula dengan diri sendiri, dan memberikan contoh yang baik, kepada pengikut-pengikutnya serta pesaingnya. Demikianlah Allah yang Maha Agung, Yang tidak dipersoalkan segala tindakanNya berfirman :

memimpin dakwah ini.

Risalah ini juga mengingatkan tentang adab dan tatasusila setiap anggota jamaah, di antara pemimpin dan pengikut untuk beriltizam dengannya. Di antaranya adalah saling menghormati dan menghargai, menjaga adab-adab berkomunikasi, saling mempercayai dan bersangka baik, saling nasihat-menasihati, saling mencintai dan mengasihi dengan rasa ukhuwah yang teguh, hubungan yang kuat dan mudah di antara mereka, sentiasa bersedia dan berlapang dada dalam menerima giliran memimpin atau dipimpin dan akhirnya akur dan patuh kepada hukum Allah s.w.t dan Rasul saw.

Beliau juga memberikan beberapa tips penting bagi qiadah berkaitan struktur organisasi dan pengalaman dalam mengendalikan pertemuan-pertemuan berkaitan memimpin dakwah yang barakah ini.

يَا عَبْدِي إِنِّي حَرَمْتُ الظُّلْمَ عَلَى نَفْسِي وَجَعَلْتُهُ بِيْنَكُمْ مَحْرَماً فَلَا تَظَالُوا (Hadith Qdsi, Sunan Ahmad bin Hanbal)

*“Wahai hamba-hambaKu, sesungguhnya Aku mengharapkan kezaliman atas DiriKu, dan Aku jadikan kezaliman itu sesuatu yang haram di antara kamu, maka janganlah kamu saling menzalimi.”*

Oleh sebab itulah al-Quran menggunakan perkataan yang keras, iaitu al-Maqtu, di dua tempat sahaja, salah satu darinya :

كُبُرُ مَقْتُلًا عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ (الصف-3)

Demikian juga ketegasan Rasulullah terhadap dirinya apabila baginda berkata, bermaksud : “Sekiranya Fatimah binti Muhammad mencuri pasti ku potong tangannya.” (musnad Ibn Hanbal)

Mungkin inilah rahsia al-Quran mengabadikan dialog yang unik di antara Allah s.w.t dan Nabi Ibrahim a.s. ketika menggembirakan baginda dengan kepimpinan. Kemudian Nabi Ibrahim a.s. mahukan kepimpinan itu diwarisi oleh zuriatnya secara berterusan, maka Allah s.w.t menerima permintaan tersebut, tetapi mengecualikan zuriatnya yang zalim.

قَالَ إِنِّي جَاعِلُكَ لِلثَّائِسِ إِمَامًاٌ قَالَ وَمَنْ ذُرِّيَّتِيْ قَالَ لَا يَنَالُ عَهْدِيِّ الطَّالِمِينَ (آلِبَقْرَةِ -124)



# MODEL KEPIMPINAN IKRAM MASA HADAPAN



Hj Mahdzir bin Md Isa,  
Pengerusi JK Pengurusan Sumber Manusia

Dalam membina dan membangunkan sesebuah organisasi, keberkesanannya kepimpinan adalah antara faktor penting yang berjaya atau gagalnya sesebuah organisasi tersebut. Kepimpinan dalam Islam merupakan amanah yang mesti dilaksanakan untuk memastikan kesinambungan risalah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w.

Firman Allah s.w.t:

*"Hai Daud! Sesungguhnya kami menjadikan kamu (penguasa) di muka bumi, maka berilah keputusan (perkara) di antara manusia dengan adil dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsumu, kerana ia akan menyesatkan kamu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah akan mendapat azab yang berat, kerana mereka melupakan hari perhitungan". (Surah Shaad ayat 26.)*

IKRAM memandang serius soal kepimpinan ini dengan membangunkan ahli-ahlinya dalam aspek tarbiah, fikrah dan akhlak. Di dalam proses melahirkan kepimpinan yang rabbani ini, disiplin berorganisasi dan beriltizam dengan prinsip-prinsip amal jama'ie juga ditekankan.

Menyusuri fasa memacu perubahan masyarakat dan negara ke arah menuju Malaysia negara rahmah, kepimpinan IKRAM perlu lebih holistik dan "strategy fit". Oleh yang demikian IKRAM mengambil inisiatif membangunkan

satu model yang dinamakan Model Kepimpinan IKRAM (MKI). Model ini dibangunkan oleh Panel Kepimpinan yang dilantik dengan membuat perbandingan dengan pelbagai model kepimpinan antara lain Model Adair Action-Centered Leadership, Model Kouzes and Posner, Model Tareq Suwaidan's dan model kepimpinan yang diamalkan di negara kita.


MKI memberi fokus kepada 3 kelompok dan 10 ciri-ciri utama seperti yang dalam rajah.

Kini, MKI telah memasuki fasa pembangunan modul-modul latihan, mengenal pasti mentor-mentor dan agensi serta institusi bagi tujuan penempatan latihan. Proses saringan bagi memilih calon-calon dari kalangan ahli bagi mengikuti program latihan dan pembangunan kepimpinan IKRAM akan dijalankan dalam tempoh terdekat, insya-Allah. Kita mengharapkan dan sama-sama berdoa agar MKI mampu melahirkan kepimpinan masa depan yang akan terus memacu IKRAM bagi merealisasikan visi dan juga pengislahan negara.

Sabda Rasulullah saw: "Barang siapa melantik seseorang untuk memimpin sebuah kumpulan sedangkan ada di kalangan mereka yang lebih direhsti darinya oleh Allah, sesungguhnya dia telah mengkhianati Allah,

Rasulnya dan semua orang yang beriman"

Riwayat akli & Sahih di sisi Imam As-Sayuti.





# MODEL DAKWAH ZAINAB AL GHAZALI

*Ukhti Salbiha Mohd Salleh  
Ketua Wanita IKRAM Sabah*



Apabila disebut Zainab Al-Ghazali, tiga kisah yang sering diingati adalah ; Kisahnya menghadapi seksaan kejam di penjara; Perjanjian yang dibuat antara beliau dengan suaminya dan mimpi beliau bertemu Rasulullah s.a.w. Sedangkan begitu banyak kegiatannya, pemikiran, wawasan dan perjuangannya yang begitu mengagumkan telah diukir namun belum kita ketahui lagi. Dialah sebenarnya menjadi kunci pembangunan dalam sejarah dakwah wanita sejak tahun 1940-an lagi. Zainab juga telah turut sama dengan para pemimpin IM dalam merancang dan menyusun semula gerak kerja IM setelah wafatnya Imam HAB pada tahun 1949. Namun sumbangannya ini tidak ditonjolkan. Malah boleh dikatakan masih belum banyak dicungkil. Pemikiran dan kegiatan Zainab Al-Ghazali masih tidak didokumentasikan dengan baik.

Zainab Al-Ghazali diyakini sebagai tokoh pendakwah wanita pertama di Mesir. Di kalangan Da'iyyah di Mesir, Zainab dihormati namun mereka tidak mahu kerja dakwah mereka dihubungkan dengan model dakwah Zainab Al-Ghazali kerana mereka bukan sebahagian daripada Pergerakan Politik yang bertujuan untuk membuat reformasi negara. Bagi yang memahami suasana politik di Mesir, sikap sebegini adalah dijangkakan.

## Riwayat hidup Almarhumah.

Zainab Al-Ghazali dilahirkan pada Januari 1917. Beliau wafat pada bulan Ogos 2005. Ketika berumur 88 tahun. Ayah beliau adalah guru agama lepasan Al-Azhar yang juga seorang peniaga kapas. Sejak kecil lagi ayahnya telah menggalakkan Zainab untuk menjadi seorang pemimpin dan mendidiknya berjiwa kepahlawanan dengan berinspirasikan tokoh sahabiyat yang tersohor iaitu Nusaibah binti Kaab yang berjuang dan berdampingan dengan Rasulullah s.a.w dalam perang Uhud.

Beliau tidak mendapat pendidikan agama secara formal. Manakala pendidikan formalnya hanya setakat Sekolah Menengah sahaja. Hal yang sedemikian memang suatu yang normal pada ketika itu, kerana kaum wanita amat kurang peluang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Enrolment Universiti Al-Azhar pun hanya dibuka kepada siswi pada tahun 1961.

Zainab mula mendapat pendedahan dalam aktivisme

wanita pada umur 16 tahun apabila beliau menyertai Kesatuan Feminis Mesir (Egyptian Feminist Union /EFU). Tidak berapa lama kemudian, beliau menarik diri kerana tidak setuju dengan Konsep Feminisme orientasi sekular yang bertentangan dengan prinsip Islam yang diperjuangkan EFU.

## Menerajui Kepimpinan dan Membina Para Aktivisme

Jiwa kepemimpinan dan perjuangan yang kental mendorong beliau menubuhkan Jamaa'at al-Sayyidaat al-Muslimaat (JSM) iaitu Pertubuhan Wanita Islam pada tahun 1935 ketika usianya 18 tahun. Misi Pertubuhan ini pada mulanya adalah untuk memberikan khidmat bakti kepada golongan wanita dan kanak-kanak miskin. Ia juga menggalakkan Wanita Muslimah mengikhlaskan diri mereka menghubungkan Islam dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Peranan JSM berkembang kepada Pelatihan Seni Berdakwah. Tujuannya adalah ke arah memberi kefahaman wanita dalam isu-isu agama dan menyampaikannya samada di rumah-rumah atau di masjid-masjid. Semasa beberapa tahun awal penubuhannya JSM telah bekerjasama dengan Universiti Al-Azhar menubuhkan Pusat Dakwah dan Nasihat. Ramai ulama' yang terkenal telah menyampaikan kuliah mereka di pusat ini. Kaum wanita menjalani latihan selama 6 bulan dan kemudiannya dilantik di masjid-masjid untuk memberikan pelajaran agama kepada kaum wanita. Kerjasama dengan Al-Azhar ditamatkan pada tahun 1939, namun JSM masih dapat melanjutkan aktiviti dakwah dengan jayanya melalui pusat ini sehingga 1952.

Selain itu, JSM juga menjalankan kegiatan dakwahnya melalui kuliah-kuliah. Kuliah mingguan Zainab diadakan di Masjid Ibn Tulum. Pengajiannya telah menarik lebih tiga ribu audien, malah mencecah lima ribuan pada bulan Ramadhan.

Aktiviti lain yang dilaksanakan oleh JSM termasuklah:

Menerbitkan majalah

Mengelola Rumah anak yatim

Membantu keluarga yang miskin

Apabila kerajaan Mesir Rejim Jamal Abd Nasir memenjarakan dan menghukum mati anggota IM, JSM turut sama

para aktivis wanita IM mengatur bantuan kepada isteri dan anak-anak mangsa.

Menyuarkan pegangan politik mereka dan menggesa Kerajaan Mesir memerintah berpandukan al-Quran.

## Liku-liku Perjuangan

Pada tahun 1965, JSM dibubarkan dan IM diharamkan sekali lagi oleh Kerajaan Mesir. Keanggotaannya JSM ketika itu mencecah 3 juta orang. Kepimpinan Zainab yang dinamik setanding dengan pemimpin lelaki IM menyebabkan beliau dan pemimpin IM seperti Sayyid Qutb ditangkap dan dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup dengan kerja berat. Seksaan terhadap Zainab adalah di luar batas kemampuan seorang wanita sehingga sukar untuk dipercayai beliau dapat bertahan dan terselamat. Namun dengan kuasa dan izin Allah, keajaiban telah berlaku ke atasnya. Apa yang dialaminya dalam penjara, soal siasat, sikap dan seksaan pemerintah yg amat kejam dalam penjara telah dirakamkan dalam penulisan buku beliau “ Detik2 Dalam Kehidupanku (Ayyam Min Hayati)”.

Pada tahun 1971, semasa Presiden Anwar Sadat berkuasa Zainab dibebebaskan. Namun begitu Zainab dilarang menyampaikan kuliah terbuka pada masyarakat umum. Setelah keluar penjara, Zainab meneruskan dakwah melalui kelas pengajian di rumah dan memulihkan kembali Majalah Ad-Da’wah. Beliau ditugaskan sebagai Editor di seksyen Wanita dan Anak dalam Majalah Ad-Da’wah. Penulisannya menggalakkan wanita menuntut ilmu tanpa mengabaikan tugas mereka dalam rumah tangga serta berkisar sekitar menjelaskan peranan dan tugas utama wanita. Hak-hak wanita dalam Islam yang luas tapi tidak diimplementasikan dalam kehidupan menyebabkan beliau terus memperjuangkan kannya.

Zainab berkata:

“Islam telah memberikan segala-galanya kepada lelaki dan wanita. Wanita diberikan segala-kebebasan, hak asasi manusia, hak ekonomi, hak politik hak sosial, hak publik dan peribadi. Islam telah memberikan wanita hak dalam keluarga yang tidak pernah diberikan oleh mana-mana sistem masyarakat lain, baik dalam masyarakat Kristian, masyarakat Yahudi, atau pagan. Tapi dalam masyarakat Islam ia adalah suatu kesilapan yang besar bila membahaskan tentang kebebasan wanita. Wanita muslim mesti belajar Islam supaya mereka mengetahui bahawa Islam telah memberikan mereka semua hak-hak ini.”


Beliau menjelaskan lagi bahawa:

Islam telah memberikan wanita Muslim tradisi dalam hak-hak individu yang memberikan kemudahan untuk wanita turut menyumbang dalam masyarakat. Pada masa yang sama beliau menegaskan wanita perlu menjalankan tugas utama dan asasi yang mulia iaitu sebagai isteri dan ibu dalam rumahtangga. Seperti mana wanita mendokong lelaki dalam menjalankan peranan mereka, lelaki pula perlu memainkan peranan sebagai sistem sokongan kepada para isteri mereka bukan sebagai penghalang.

Apabila bercakap mengenai keluarganya, Zainab mengatakan bahawa beliau amat yakin bahawa Allah telah mengurniakannya dengan begitu banyak kelebihan – iaitu tiada mempunyai anak, dan dikurniakan pula suami yang bukan sahaja kaya sehingga dapat menyediakan pembantu rumah tapi amat memahami dan menyokong aktiviti dakwahnya. Maka kelebihan inilah yang telah beliau gunakan untuk fokus dan menginfaqkan dirinya terhadap usaha-usaha dakwah

Sejarah Islam telah melakarkan tokoh wanita yang berganding bahu bersama para lelaki dalam perjuangan menegakkan yang haq dan menentang yang batil. Pada zaman ini Legasi dan sumbangan Zainab Al-Ghazali baik dalam pertubuhannya JSM, mahu pun penglibatannya dalam IM yang setanding dengan tokoh IM yang lain telah memberikan kita model peranan dan kepemimpinan wanita dalam perjuangan. Almarhumah Sayyidah Zainab Al-Ghazali Al-Jubaili layak dikalungkan Anugerah Da’iyah Qud wah. Perintis dan Pejuang Dakwah Pergerakan Dakwah Wanita Islam Zaman ini.

~ Zainab Al-Ghazali ~  
1917 - 2005





## SEBAHAGIAN AKTIVITI KITA



### Muzakarah Tarbiah : Tarbiah Memacu RI 2016-19



27 Feb, Sri Kembangan. Kira-kira 100 orang kepimpinan IKRAM dari seluruh negara telah berhimpun dan bermuzakarah bagi membincang, mengenal pasti peranan tarbiah serta pendekatan yang sesuai dalam menjayakan Rancangan IKRAM 2016-2019, dengan melahirkan ahli yang boleh memacu perubahan umat.

Memetik sebahagian ucapan taujihat daripada Presiden IKRAM, Ustaz Dr Parid Sheikh Ahmad menegaskan bahawa ahli IKRAM tak boleh lari dari engagement dengan pelbagai pihak serta membuka laluan ke arah pengislahan ummah secara total. Di samping itu, situasi aman amat diperlukan bagi mengangkat agenda ummah. Program muzakarah ini selesai pada jam 6 petang.



Gambar atas : sebahagian peserta giat bermuzakarah dalam sessi perbincangan

### Maju Seiringan Bersama Dakwah



6-8 Feb, Merlimau. Gerak kerja dakwah menjadi intipati mukhayyam IKRAM WP pada kali ini yang diadakan di SMI Al-Amin, Merlimau, Melaka. Kemantapan gerak kerja dakwah akan mempersiapkan ikhwah untuk bergerak di dalam fasa dakwah yang seterusnya dengan pengukuhan elemen yang perlu seperti ukhuwwah dan mahabbah serta mengambil beberapa faedah daripada pengalaman veteran dakwah

dan tokoh mukhayyam. Di dalam program ini peserta serta memahirkan diri di dalam slot simulasi untuk mengurus konflik di dalam konteks organisasi.

Pihak sekolah juga menerima sumbangan pa-pan tanda baru sumbangan salah seorang peserta iaitu saudara Wan Mohamad Zukri.



### Amalan “10s” Menjana Kesejahteraan Keluarga

27-28 Jan, Hulu Langat : Isu komunikasi di dalam keluarga menjadi antara topik utama pengisian program Pelapis pada kali ini. Pengisian ini yang telah disampaikan oleh Dr Ali, telah berkongsi amalan yang telahpun beliau praktikkan sepanjang beliau berumahtangga.

Tips tersebut adalah **sayang, senyum, suka, salam, sentuh, sapa, sms, seronok, selesa, sembang, santai, share, syura, sopan, santun, selalu, syukur** dan yang paling penting adalah **sabar**.

Selain itu, beliau juga memberikan tips kekeluargaan bahawa, setiap perubahan yang hendak dibuat di dalam rumah tangga, beliau akan berbincang bersama pasangan. Ujar beliau lagi, perbincangan begitu amatlah penting supaya kata putus samada buat atau tidak, setuju atau tidak setuju, keputusan haruslah di persetujui bersama dan berdoa serta bertawakkal kepada Allah s.w.t.



Prof Dr Mohd Ali bin Hassan, YDP IKRAM Sepang memberi pengisian kepada para peserta Pelapis di Hulu Langat.

## TARBIATUNA

JAWATANKUASA TARBIAH PUSAT  
-PERTUBUHAN IKRAM MALAYSIA-

#### Penaung

- Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria

#### Ketua Editor

- Azamuddin Mohd Maarof

#### Penulis:

- Ustaz Dr Mohd Parid Sheikh Ahmad
- Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria
- Hj Mahdzir Mohd Isa
- Dr Alizi Alias
- Ukhti Salbiha Mohd Salleh
- Ustaz Abd Muhammin Moham-mad Shahar

#### Penulis / Penterjemah:

- Ustaz Abd Muhammin Moham-mad Shahar
- Ustaz Mohammad ‘Aatdif Ahmat

**Pengurus/Susunatur/Grafik**  
Hanafi Sudi@Yusoff

#### Diterbitkan oleh :

Jawatankuasa Tarbiah Pusat,  
Pertubuhan IKRAM Malaysia  
(IKRAM),  
Tel + 603 - 8945 6999,  
. + 603 - 8945 3666  
Fax +603 - 8945 1772  
tarbiatuna.ikram@gmail.com

#### Dicetak oleh :

Mashi Publication Sdn Bhd  
Tel: 03-9076 6311  
Fax: 03-9075 4311  
mashipublication@yahoo.com

